

23 APR 2002

Malaysia-Contoh/I

JEPUN DAN KOREA KEKAL CONTOH RELEVAN UNTUK MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Etika kerja, nilai serta kualiti pengurusan yang menjadi budaya Jepun dan Korea Selatan, masih menjadi contoh relevan di Malaysia, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini.

Beliau berkata Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada 1982, telah berjaya menyemai nilai-nilai positif di kalangan rakyat Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan negara.

"Nilai-nilai ini (positif) adalah perkara yang kita cari dalam Dasar Pandang ke Timur ini.

"Tanpa nilai-nilai positif ini, kita (Malaysia) tidak mampu untuk mengatasi cabaran dan kita mungkin tidak mempunyai daya pulih untuk mengatasi masalah ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Dasar Pandang Ke Timur Malaysia : Cabaran dan Sumbangan, di sini.

Persidangan dua hari itu yang bermula semalam, adalah sebahagian daripada sambutan ulangtahun ke-20 dasar itu, bagi membincangkan kekuatan dan kelemahannya.

Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad pada 1982, sebaik beliau menjawat jawatan itu, masih dilaksanakan dan merupakan contoh kerjasama antarabangsa.

Ditanya sama ada dasar itu akan terus dilaksanakan, Samsudin berkata: "InsyAllah, dasar ini akan diteruskan."

Katanya Jepun dan Korea Selatan juga telah memberi komitmen untuk menyokong dan meneruskan kerjasama dengan Malaysia bagi memastikan kejayaan program dasar itu.

Mengenai cadangan supaya dasar itu dikaji semula dan diperhalusi, beliau berkata Dasar Pandang ke Timur sudah dilaksanakan sejak 20 tahun lepas dan memberi maklumat yang banyak yang mungkin bebeza dalam bentuk pelaksanaan, yang perlu dikaji.

Samsudin berkata kerajaan berharap bilangan pelajar yang dihantar menerusi dasar itu akan ditambah.

Sementara itu, Duta Besar Jepun Masaki Konishi berkata rakyat Jepun juga mendapat manfaat daripada pelaksanaan dasar itu memandangkan program pertukaran pelajar tidak sahaja membabitkan bandar besar, malah di luar bandar yang telah membuka mata mereka.

Mereka banyak belajar mengenai rakan Asia mereka dan perbezaan budaya dan tradisi. Penerimaan pelajar asing yang cemerlang dan rajin daripada pelbagai latar belakang budaya juga telah menggiatkan semula institusi pendidikan tinggi di Jepun dan memperbaiki tahap pendidikan di institusi terbabit," katanya.

Tiada negara selain Malaysia yang menaja seramai 3,000 pelajar di Jepun, katanya.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 1,800 penuntut Malaysia di seluruh Jepun dan jumlah itu merupakan kumpulan terbesar di kalangan negara Asean dan kumpulan pelajar asing keempat terbesar di Jepun.

-- BERNAMA

HS AHH LAT